

# Pendidikan seiring patriotisme

Rakyat berjiwa 'pejuang' bantu negara capai kemajuan terbilang

8/11/2007



## Perspektif

Bersama

Saifuddin Abdullah

E-mel: saifuddin61@yahoo.com

Oleh Saifuddin Abdullah

**B**ARU-BARU ini, timbul masalah pengangkutan peserta Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Ini bukan kali pertama masalah demikian berlaku. Kita berharap ia tidak akan berulang kerana PLKN adalah program yang terlalu baik untuk dicalar dengan masalah remeh-temeh seperti itu.

PLKN adalah kemuncak langkah kerajaan dalam memupuk patriotisme di kalangan belia. Mengikut perancangan asalnya, program pertamanya pada 2004, adalah perintis. Kerana itu, hanya sebahagian saja daripada peserta yang layak menyertainya dipilih mengikutnya. Perancangannya ialah mulai tahun 2005, semua peserta yang layak menyertainya akan diwajibkan mengikutnya.

Tetapi, sehingga tahun ini, masih tidak semua peserta yang layak menyertainya dipilih untuk mengikutnya. Ini mungkin disebabkan kerana program ini menelan belanja yang amat besar. Ini juga menyebabkan kita harus memikirkan program lain yang perlu diadakan bagi memupuk patriotisme di kalangan belia, terutama bagi mereka yang tidak terpilih menyertai PLKN.

Ketika mencetuskan gagasan Patriotisme Alaf Baru pada 1999, iaitu sebelum idea PLKN muncul dan juga sebelum patriotisme menjadi ungkapan yang dipopularkan semula, Majlis Belia Malaysia (MBM) melihatnya sebagai satu gagasan yang meliputi makna dan fokus patriotisme.

Makna patriotisme tidak berubah, iaitu cinta yang kental dan kekal terhadap bangsa dan negara Malaysia. Tetapi, fokus atau bentuk patriotisme mungkin berubah mengikut masa dan keadaan.

Gagasan berkenaan lahir daripada dua langkah. Pertama, sebagai 'langkah aksi' bagi mengisi rukun gerakan belia iaitu idealisme, aktivisme dan intelektualisme, serta merangka haluan perjuangan MBM yang melangkah ke tahap 50 tahun keduanya, iaitu selepas menyambut ulang tahunnya ke-50 pada 1998.

Kedua, sebagai 'langkah reaksi' kepada peristiwa negatif yang berlaku di tengah-tengah dua krisis besar negara pada masa itu, iaitu kegawatan ekonomi dan perpecahan politik, serta sebagai menghadapi cabaran alaf baru yang boleh

## INTI PATI

- Makna patriotisme tidak berubah, iaitu cinta yang kental dan kekal terhadap bangsa dan negara tetapi, fokus atau bentuk patriotisme mungkin berubah mengikut masa dan keadaan.
- Nasionalisme biasanya dikaitkan dengan ideologi politik, malah hal-hal tertentu, ia dihubungkan pula dengan asabiyah (iaitu dalam pengertiannya yang sempit), militarisme dan 'xenophobia'.
- Perkataan 'patriotisme' berasal daripada bahasa Greek, iaitu 'patriotes' yang bermakna rakan senegara dan 'patrice' yang bermakna tanah air atau negara. Ia membawa maksud keterikatan kepada kumpulan rakan senegara dan kepada tanah air.
- Patriotisme bukan ideologi atau semangat semata-mata. Ia semangat yang terdidik yang berada dalam satu kontinum di antara semangat dan ideologi. Ia adalah satu gagasan. Sebagai gagasan, ia perlu kepada kefahaman dan pendidikan.

menggugat patriotisme.

Dalam proses mengetengahkan gagasan patriotisme itu, MBM menganggap persoalan asasnya ialah pendidikan kewarganegaraan. Dalam hal ini, MBM tidak berhajat untuk terbabit dalam polemik epistemologi. Namun, hakikatnya ialah konsep sosiopolitik seperti pendidikan kewarganegaraan tidak wujud dalam hampagas. Biasanya, ia mendapat pengertian yang lebih penuh dengan memeriksa tiga istilah yang berkaitan, iaitu nasionalisme, kesedaran sivik dan semangat patriotik.

Nasionalisme biasanya dikaitkan dengan ideologi politik. Dalam hal-hal ter-

tentu, ia dihubungkan pula dengan asabiyah (iaitu dalam pengertiannya yang sempit), militarisme dan 'xenophobia'.

Sebagai ideologi, ia memerlukan kefahaman yang menyeluruh lagi mengukuh atau penyatuan pemikiran yang menyebabkan berlakunya kepatuhan yang komprehensif di kalangan pengikutnya. Ia menawarkan satu bentuk kod perlakuan untuk kebanyakan situasi kehidupan. Sebagai ideologi, ia menekankan prinsip tertentu.

Tetapi, nasionalisme dikritik hebat, sama ada dari sudut intelektual ataupun praktikal. Ideologi menjadikannya rigid, tidak pragmatik dan sering dilihat dengan prasangka. Manakala debat mengenai nasionalisme di negara ini semakin sepi. Perbincangan mengenainya juga agak nipis. Kerana itu, menggunakannya sebagai pendekatan pendidikan kewarganegaraan bagi belia kini bukanlah langkah yang bijak.

Kesedaran sivik sebagai pendekatan pendidikan kewarganegaraan telah timbul akibat ketidakpercayaan terhadap nasionalisme sebagai ideologi dan patriotik sebagai semangat. Pendekatan ini berkembang pesat di Barat dan digunakan secara formal di negara ini buat beberapa ketika.

Di sekolah rendah dan menengah, sivik pernah dijadikan satu mata pelajaran dari Tahun Empat hingga Tingkatan Lima. Tetapi, ia jarang diajar secara serius. Murid-murid juga tidak berminat. Lalu, sejak sekian lamanya, sivik tidak lagi dijadikan mata pelajaran.

Pendidikan kewarganegaraan kemudian diserapkan dalam mata pelajaran sejarah. Asumsinya ialah bahawa memasukkan nilai kewarganegaraan ke dalam mata pelajaran sejarah akan dapat memenuhi kekosongan akibat tiadanya lagi pendidikan sivik.

Tetapi, persoalannya ialah sejauh mana keberkesanan mata pelajaran sejarah dari segi mendidik belia untuk mencintai bangsa dan negara? Dengan penekanan yang berlebihan kepada sains dan teknologi kini, adakah belia benar-benar dimotivasi atau bermotivasi untuk belajar sejarah? Bagaimana dengan yang lama tidak belajar sejarah, iaitu belia yang telah lama meninggalkan sekolah?

Perkataan 'patriotisme' berasal daripada bahasa Greek, iaitu 'patriotes' yang bermakna rakan senegara dan 'patrice' yang bermakna tanah air atau negara. Ia membawa maksud keterikatan kepada kumpulan rakan senegara dan kepada tanah air. Dalam bahasa Arab, ia diwakili oleh perkataan wataniah.

Walaupun patriotisme ada ketikanya seiring dan disamakan dengan nasionalisme, kedua-duanya mempunyai kelai-

nan tertentu. Patriotisme biasanya tidak berasaskan ideologi. Ia adalah suatu keterikatan primordial terhadap sesuatu wilayah atau masyarakat, suatu sentimen kepunyaan dan perasaan satu identiti.

Memanglah secara sejarahnya patriotisme terhubung dengan etos masyarakat nasional moden. Ia juga kadangkalanya membabitkan tindak balas automatik seperti tanpa berfikir, yang membuatnya seakan-akan ideologi (nasionalisme). Tetapi, ia tidak menawarkan sesuatu kod perlakuan. Sebaliknya, ia adalah tingkah laku dan tindak balas yang umum sifatnya. Jika nasionalisme ialah *superiority* negara, maka patriotisme pula ialah cinta negara.

Patriotisme bukan ideologi, tetapi, ia juga bukan semata-mata semangat. Kalau semangat pun, ia bukan semangat yang tidak menentu. Ia semangat yang terdidik. Kerana itu, ia berada dalam satu kontinum di antara semangat dan ideologi. Ia adalah satu gagasan. Sebagai gagasan, ia perlu kepada kefahaman dan pendidikan.

Pendidikan patriotisme mempunyai dua objektif. Pertama, ialah meningkatkan semangat dan makna patriotisme. Dan kedua, ialah menggalakkan belia menterjemahkan patriotisme ke dalam bentuk sumbangan konkrit terhadap kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan negara.

Sumbangan itu, tidak semestinya terhad dalam bentuk tradisional. Ia juga perlu keluar dari kepompong stereotaip. Ia perlu kepada pendekatan dan bidang baru.

Perlu disedarkan bahawa semua perlu dan dapat menjadi patriot. Patriot bukan terhad kepada tentera saja, contohnya. Mendapat keputusan akademik terbaik di dunia, menjadi universiti terbaik di dunia, memenangi pertandingan bahas antarabangsa, memenangi Hadiah Nobel, menjadi angkasawan negara, memimpin persatuan belia antarabangsa, memenangi pingat di sukan antarabangsa, mencipta barangan baru, dan banyak lagi - termasuk menjaga kebersihan negara dan segala kemudahan awamnya, adalah juga patriotik.

Memupuk patriotisme tidak semestinya melalui ceramah saja. Jika ceramah pun, janganlah cerita zaman dulu saja. Ceritalah perkara yang baru dan semasa. Begitu juga dengan lagu patriotik - perlu dipopularkan lagu patriotik rentak baru. Lagu patriotik tidak semestinya rentak *march*.

**Datuk Saifuddin Abdullah ialah Pengerusi Akademi Belia yang juga bekas Presiden Majlis Belia Malaysia (1998-2002)**